



**KUMPULAN YAYASAN SABAH**

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: [ysinfo@ysnet.org.my](mailto:ysinfo@ysnet.org.my)

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

# SIARAN MEDIA

## [ MEDIA RELEASE/STATEMENT ]

### UNTUK SIARAN SEGERA

13 Mei 2024

#### TINJAUAN SUMBER DAN HIDUPAN LIAR LEMBANGAN MALIAU: MENEROKA KHAZANAH ALAM TERSEMBUNYI

**KOTA KINABALU (Isnin)** : Tinjauan Sumber dan Hidupan Liar Lembangan Maliau yang kini sedang diadakan bermula dari 13 hingga 26 Mei 2024 akan memantapkan lagi usaha pemeliharaan sumber hutan di Sabah. Tinjauan penting ini meliputi kawasan yang luas dan bakal meneroka khazanah alam tersembunyi di Kawasan Konservasi Lembangan Maliau (MBCA).

MBCA adalah kawasan yang terkenal dengan hutan hujan asli dan kepelbagaian biologi yang menakjubkan. Keunikan landskap yang belum diterokai sepenuhnya telah menyumbang kepada gelarannya sebagai Sabah's Lost World.

Menurut Pengarah Yayasan Sabah, Dato' Sri Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar, "Kumpulan Yayasan Sabah kini sedang merangka Pelan Pengurusan Strategik MBCA yang ketiga. Oleh itu, tinjauan sumber dan hidupan liar yang meluas sedang dijalankan untuk mengumpul maklumat terkini tentang biodiversiti flora, fauna dan spesies haiwan di MBCA dan kawasan sekitarnya."

Objektif utama tinjauan ini bersasarkan pengumpulan data untuk penyediaan Pelan Pengurusan Strategik MBCA, pendokumentasian kepelbagaian dan pendedaran hidupan liar, menilai potensi pembangunan pelancongan, dan mengenal pasti topik penyelidikan untuk kajian masa depan.

Beliau turut berkata, "Seramai lebih dari 100 orang peserta, termasuk penyelidik terkemuka, agensi kerajaan, dan staf sokongan menyertai tinjauan ini. Kami berhasrat untuk melakukan tinjauan menyeluruh bagi mencapai semua objektif kajian."

Sebanyak sembilan buah lokasi telah dikenal pasti untuk tujuan tinjauan ini, dengan peserta ditempatkan secara komprehensif untuk memaksimumkan liputan radius seluas 5 km setiap lokasi.

Tinjauan ini diterajui oleh Jabatan Hidupan Liar Sabah, dengan Jawatankuasa Penganjur yang terdiri dari Jabatan Perhutanan Sabah, Taman-Taman Sabah, HUTAN-KOCP, WWF-Malaysia, Sabah Environmental Trust, Sabah Tourist Guides Association serta Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Teknologi MARA.

Tinjauan ini merupakan yang kedua, berikutan tinjauan awal yang telah dijalankan pada tahun 2013.

Apabila tinjauan berakhir, satu seminar akan diadakan untuk membentangkan segala penemuan tinjauan. Dato' Sri Haji Gulamhaidar turut berkongsi, "Inisiatif ini akan berakhir dengan laporan komprehensif, yang bakal memperincikan penemuan untuk disertakan dalam penggubalan Pelan Pengurusan Strategik MBCA. Kami juga berhasrat untuk menyemak pelan pengurusan sedia ada dan meneroka metodologi baharu dengan teliti. Ini akan dicapai melalui pendekatan kolaboratif, memastikan pelbagai perspektif diambil kira untuk memberi manfaat kepada alam dan kemanusiaan."



Pengarah Yayasan Sabah, Dato' Sri Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar.

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi:

Sam S. Karnail  
Pengurus Kumpulan  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kumpulan Yayasan Sabah  
Tel : 088-326448  
Faks : 088-421526  
Emel : ynwaskarnail@gmail.com